

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 APRIL 2024  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4

### Pemotongan subsidi bahan api diteruskan tahun ini – Rafizi

## Pemotongan subsidi bahan api diteruskan tahun ini – Rafizi

**SHAH ALAM** - Kerajaan akan meneruskan tindakan untuk memotong subsidi bahan api pada tahun ini bagi mengurangkan defisit fiskal negara.

Memetik laporan *Bloomberg*, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memaklumkan, langkah itu perlu dibuat bagi menguruskan kesan berantai daripada pemotongan subsidi berkenaan dengan mengambil kira kemungkinan berlaku peningkatan inflasi sebelum pelaksanaannya.

“Kerajaan akan laksana pengurangan subsidi secara berperingkat dengan risiko inflasi meningkat sebelum rancangan itu dilaksanakan, susulan jangkaan rasionalisasi bahan api tersebut.

“Kita berada pada landasan yang tepat untuk memberi bantuan bersasar kepada golongan memerlukan. Kerajaan tetap akan melaksanakan tindakan berkenaan,” katanya.

Dalam pada itu, Rafizi turut memaklumkan bahawa garis masa yang ditetapkan perlu dipatuhi bagi mencapai sasaran fiskal 4.3 peratus.

Beliau berkata, kerajaan

di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu membatalkan subsidi besar dan meluaskan asas pendapatan untuk meningkatkan keyakinan pelabur di negara ini.

“Walaupun ringgit merosot kira-kira 4 peratus tahun ini dan menghampiri paras paling lemah sejak krisis keuangan Asia 1998. Saya tidak terlalu ambil berat tentang prestasi mata wang kerana ia tidak menjelaskan minat pelabur asing dan tidak menghalang hasrat kerajaan,” ujarnya.

Menurut Rafizi, kaedah kepada alternatif tersebut adalah untuk membuat perubahan struktur kepada ekonomi dengan mewujudkan salah satu ekosistem permulaan terbaik dunia di Malaysia.

Katanya, kerajaan berusaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pilihan bagi syarikat baru global untuk memanfaatkan pembiayaan dan juga memberi perkhidmatan kepada pasaran Asia Tenggara yang lebih besar.